

Import minyak sawit India susut

Import minyak sawit India pada Mei susut 10 peratus berbanding sebulan lalu apabila pengu luar utamanya Indonesia mengekang eksport minyak makan itu, kata sebuah badan perdagangan.

Negara Asia Selatan itu adalah pengimport minyak sayuran terbesar di dunia dan pembelian yang lebih rendah itu boleh menjejaskan harga niaga hadapan minyak sawit Malaysia.

India mengimport 514,022 tan minyak sawit pada Mei, turun daripada 572,508 tan pada April, demikian Persatuan Pengekstrak Pelarut (SEA) India.

Indonesia, pengeluar dan pengeksport minyak sawit terbesar di dunia, pada 28 April menghen-tikan eksport produk itu untuk

mengawal harga yang melonjak di dalam negara.

Jakarta membenarkan eksport disambung semula mulai 23 Mei, tetapi melaksanakan dasar untuk melindungi bekalan domestik.

Penapis India pada Mei memperoleh lebih banyak minyak sawit dari Malaysia, Thailand dan Papua New Guinea, tetapi masih secara keseluruhan import menurun, kata SEA.

"Pada Jun import minyak sawit boleh meningkat melebihi 600,000 tan kerana Indonesia sudah mula memberi permit eksport," kata peniaga yang berpangkalan di Mumbai dengan firma perdagangan global.

Peruntukan eksport Indonesia untuk produk minyak sawit su-

dah dinaikkan kepada 2.25 juta tan, kata seorang pegawai kanan kementerian perdagangan, daripada sekitar 1 juta.

Import soya India pada Mei melonjak 37 peratus daripada sebulan lalu kepada 373,043 tan, manakala import minyak bunga matahari meningkat lebih dua kali ganda kepada 118,482 tan, kata badan perdagangan itu.

India membeli minyak soya, terutama dari Argentina dan Brazil dan minyak bunga matahari dari Ukraine dan Russia.

"Import soya negara itu boleh meningkat dengan mendadak dalam beberapa bulan akan datang kerana New Delhi membenarkan import bebas cukai sebanyak 2.0 juta tan komoditi itu," kata peniaga.

REUTERS